



Permodalan Nasional Berhad
(20210-X)

PNB terus pacu peningkatan pelaburan

NILAI – Permodalan Nasional Bhd. (PNB) komited untuk terus memacu serta meningkatkan pelaburan untuk tahun-tahun akan datang meskipun keadaan ekonomi domestik dan dunia semakin mencabar.



Pengerusi Kumpulannya, Tan Sri Abdul Wahid Omar (**gambar**) berkata, bagaimanapun berlandaskan peruntukan aset yang betul serta strategi pelaburan yang bijak, agensi itu melalui anak syarikatnya mampu melakukan yang terbaik untuk para pelabur.

Beliau menegaskan, komitmen itu seiring hasrat kerajaan yang mahu sektor swasta memacu pertumbuhan ekonomi negara.

“Kerajaan bertindak sebagai pemangkin tetapi pemacuannya adalah di sektor swasta yang merangkumi lebih dua pertiga daripada jumlah pelaburan di negara ini,” katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian hadiah Kuiz Pelaburan PNB IMalaysia 2016 di sini semalam.

Abdul Wahid bagaimanapun tidak menafikan keadaan ekonomi semasa yang mencabar dengan memberi contoh perolehan Sekuriti Kerajaan Malaysia bagi tempoh lima tahun adalah sekitar 3.2 peratus berbanding melebihi empat peratus sebelum ini.

Terdahulu, Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman menjuarai Kuiz Pelaburan PNB IMalaysia berkenaan sekali gus membawa pulang piala pusingan, piala iringan dan hadiah keseluruhan bernilai RM12,000.

Manakala Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaya masing-masing di tempat kedua dan ketiga dengan meraih hadiah keseluruhan bernilai RM8,000 dan RM5,000.

Pertandingan Kuiz Pelaburan PNB IMalaysia yang memasuki tahun ke-16 telah menarik penyertaan sebanyak 5,165 peserta dari 36 institusi pengajian tinggi di seluruh negara.

Acara itu merupakan platform PNB untuk memberi pendedahan dan pendidikan kepada penuntut IPT mengenai pelaburan, kewangan, ekonomi, perdagangan, unit amanah dan konsep pelaburan jangka panjang. – Bernama